Alkitab untuk Anak-anak

memperkenalkan

# Mukjizat Yesus



Allah menunjuk kepada Tuhan dalam Alkitab.

Penulis: Edward Hughes

Digambar oleh: Byron Unger dan Lazarus

Disadur oleh: E. Frischbutter dan Sarah S.

Diterjemahkan oleh: Julie TY

Alastair Paterson

Dihasilkan oleh: Bible for Children
www.M1914.org

©2020 Bible for Children, Inc.
Izin: Saudara mempunyai hak untuk membuat salinan atau mencetak cerita ini selagi ia bukan dijual.

Yesus membuat banyak mukjizat. Mukjizat merupakan tanda-tanda yang menunjukan bahawa Yesus benar-benar anak Allah. Mukjizat pertama berlaku di satu majlis perkhawinan. Timbul masalah. Minuman anggur tidak cukup untuk semua tetamu.



Maria, Ibu Yesus, beritahu Yesus tentang masalah itu, kemudian menyuruh pelayan-pelayan menuruti apa yang diperintahi oleh Yesus.



"Penuhi tempayan – tempayan dengan air," kata Yesus. "Air?" mereka bertanya. Ya, air yang diminta oleh Yesus.



Kemudian Yesus menyuruh
mereka mengambil air
tesebut dan hidangkan
kepada ketua majlis.
Air bertukar menjadi
minuman anggur.
Minuman anggur
yang enak
dan terbaik!



Para pelayan tercengang. Yesus menukar air menjadi minuman anggur.  Hanya Allah yang dapat membuat mukjizat seperti itu.



Yesus membuat mukzijat-mukjizat lain. Pada suatu petang, Ia dengan murid-muridnya menuju ke rumah Petrus. Ibu mertua Petrus sedang sakit dan demam.



Yesus menyentuh tangan perempuan yang sakit. Dengan serta-merta, dia sembuh. Dia bangun dan melayani Yesus dan murid-muridnya.



Seluruh penduduk kota berkumpul
di depan pintu rumah
pada malam itu.
Orang sakit - buta,
tuli, bisu, lumpuh.
Juga orang yang
dikawal oleh kuasa
syaitan datang
kepada Yesus.
Dapatkah Ia
menolong
begitu
ramai
orang?



Yesus, anak Allah dapat menolong. Dan Yesus memang akan menolong mereka. Semua orang yang datang kepadaNya ditolongNya. Orang yang seumur hidup berjalan dengan tongkat dapat berjalan dan lari dan melompat.





Yang lain juga datang,
mereka yang menjadi
buruk rupa kerana
penyakit Lepra.

Rupa mereka kembali ke rupa asal dan menjadi bersih selepas Yesus menyembuhkan mereka.



Lelaki dan
perempuan
yang dikuasai
syaitan
berdiri
di depan
Yesus. Ia
memerintahkan
syaitan
meninggalkan
orang-orang
itu.



Syaitan terus mematuhi Yesus dan orang yang dalam ketakutan dan tidak tenang menjadi tenang dan gembira.



Di belakang orang ramai, empat orang lelaki cuba menyusung kawan mereka yang lumpuh ke Yesus. Tetapi mereka tidak dapat mendekati Yesus. Apakah yang boleh mereka lakukan?




Empat teman setia itu membuka bumbung rumah dan menurunkan kawan mereka yang lumpuh. Sekarang dia betul-betul dekat dengan Yesus.

Yesus melihat bahawa empat teman itu sangat beriman. Ia berkata kepada orang lumpuh itu, “Dosa kamu sudah diampuni. Angkat tempat tandu tidurmu dan jalanlah.” Orang sakit itu berdiri, sihat dan kuat. Yesus telah menyembuhkan orang lumpuh itu.




Sejenak sesudah itu, Yesus berada di dalam perahu dengan murid-muridnya. Badai besar menggoyang laut. Yesus sedang tidur. Murid-murid ketakutan lalu membangunkan Yesus. “Tuhan selamatkan kita,” teriak mereka “Kita tenggelam!”

"Surutlah," Yesus memerintah ombak, seketika laut menjadi tenang. "Orang apakah dia ini?" Murid-muridnya saling berbisik. Angin dan laut menuruti perintahnya. Mereka percaya Yesus adalah anak Allah kerana mukjizat-mukjizatNya menunjukan kemuliaan Tuhan. Murid-muridnya tidak tahu akan hal ini, tetapi mereka akan melihat Yesus menampilkan mukjizat yang lebih besar sewaktu Ia melayani Allah BapaNya di antara manusia.



Mukjizat Yesus

satu cerita dari Firman Tuhan, Alkitab,

terdapat dalam

Matius 8-9, Markus 1-2, Markus 4,
Lukas 4, Lukas 8, Yohanes 2

“Bila tersingkap, firman-firman-Mu memberi terang, memberi pengertian kepada orang-orang bodoh.” Mazmur 119:130

TAMAT

Alkitab memberitahu kita tentang Allah kita yang hebat yang membentuk kita dan ingin kita mengenali Dia.

Allah tahu kita telah melakukan banyak perkara buruk yang dipanggil dosa.  Hukuman bagi dosa adalah maut tetapi Allah sangat mengasihi kita.  Dia telah mengutus AnakNya yang tunggal, Yesus, mati di kayu Salib dan dihukum kerana dosa-dosa kita.  Kemudian Yesus bangkit dan hidup kembali; dan pulang ke syurga!  Jika anda percaya kepada Yesus dan meminta Dia mengampuni dosa-dosa kamu, Dia akan melakukannya!  Dia akan datang dan tinggal di dalammu sekarang, dan anda akan hidup bersamaNya untuk selama-lamanya.

Jika anda percaya ini adalah benar, katakan ini kepada Allah:
Tuhan Yesus, saya percaya bahawa Anda adalah Allah, dan menjadi seorang manusia yang mati untuk dosa saya, dan kini Anda hidup sekali lagi.  Sila datang ke dalam hidup saya dan mengampuni dosa saya, supaya saya dapat memiliki satu hidup baru, dan satu hari nanti akan ku bersama dengan Anda selama-lamanya.  Bantu saya untuk mentaati Anda dan hidup sebagai anakMu.  Amin.

Baca Alkitab dan berbicara dengan Allah setiap hari!  Yohanes 3:16